

Statistik-statistik Nashik

- Penduduk: 4 juta
- Kristian: Kurang daripada 20,000 orang, 0.5% (termasuk semua denominasi)
- Muslim: 600,000 orang, 6.7% (kebanyakannya tinggal di bandar)

Nashik (juga Nasik) adalah suatu bandar sederhana besar yang terletak di tebing sungai Godavari tidak jauh dari Mumbai, ia sedang berkembang dengan pesat. Kuil-kuil dan tangga-tangga di tebing sungai di sini membuat Nashik salah satu tempat yang

paling suci bagi orang-orang Hindu di dunia. Sekali setiap 12 tahun, bandar ini menjadi tuan rumah kepada berjuta-juta orang Hindu yang datang untuk perayaan penziarahan Kumbh Mela (Pesta Kendi). Dalam dongeng Hindu, Nashik telah memperolehi namanya apabila adik perempuan Ravana ingin berkahwin dengan dewa Rama. Apabila Rama mendapat tahu, dia telah memerintahkan hidungnya - 'nasika' dalam bahasa Sanskrit – dipotong. Orang-orang Islam di Nashik hidup dikelilingi oleh tradisi dan budaya Hindu.

Masyarakat orang-orang Islam di Nashik terbentuk selepas kerajaan-kerajaan Islam di rantau ini ditubuhkan pada abad ke-14 dan ke-15, dan mubaligh Islam tiba di sini. Dua orang mubaligh Islam yang utama di Nashik adalah Khunmir Hussaini (1520) dan Syed Hussaini (1568). Mereka dipercayai telah datang dengan sungguh bersemangat, mengajar dan menyembuh orang-orang sakit, jadi ramai orang Hindu telah memeluk agama Islam secara sukarela. Sehingga sekarang ramai yang

Hari 29 | Nashik Maharashtra, India

masih sangat setia kepada orang-orang salih ini.

Kebanyakan orang-orang Muslim di Nashik (seperti juga di seluruh India) adalah penganut Islam Sunnah yang telah dipengaruhi selama turun-temurun oleh agama dan budaya Hindu. Di antara orang Islam yang tinggal di daerah Nashik ini adalah orang-orang Sayyed, Pathan, Malik, orang-orang Islam dari Rajasthan, orang Lakarhara (atau penjual kayu, penduduk Shaikh bercampur), dan kumpulan Syiah yang digelar Dawoodi Bohra. Kebanyakan

orang Islam di bandar ini adalah dari kumpulan Sayyed.

Ramai orang Islam di Nashik tinggal di kawasan-kawasan yang penuh sesak, dengan infrastruktur yang tidak baik. Pada masa ini, masih tiada pelayanan yang menginjili orang-orang Muslim di Nashik. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna Tuhan tidak bekerja di kalangan mereka. Ramai orang-orang Kristian di Bashik sedang berdoa untuk masyarakat Islam di sini. Namun ramai juga rasa takut akan orang-orang Islam, kerana prasangka yang telah

lama berleluasa dia India di antara agama-agama yang berlainan.

Bahan-bahan Doa:

* Berdoalah agar Tuhan akan mengutus orang ke jalan-jalan, lorong-lorong, tempat kediaman dan keluarga-keluarga di Nashik untuk mengisytiharkan Kristus kepada masyarakat Islam (Mat 22:9-10).

* Berdoalah agar Tuhan akan membantu orang-orang Kristian di kawasan ini mengatasi prasangka-prasangka mereka dan mula mengasihi masyarakat Islam.

* Berdoalah agar Tuhan akan mencurahkan Roh KudusNya, memberikan orang-orang Islam kehausan dan kerinduan untuk mengenali Tuhan dan FirmanNya (Lukas 24:27-32).

www.30-days.net

www.30daysfire.net

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim